

11 JUN 2003

Mahathir-Banjir

SALURAN BAWAH TANAH ANTARA KAEDAH DIKAJI ATASI BANJIR KILAT DI KL

PUTRAJAYA, 11 Jun (Bernama) -- Kerajaan sedang mengkaji cara-cara terbaik bagi mengatasi masalah banjir kilat di Kuala Lumpur termasuk membina saluran bawah tanah bagi membolehkan air mengalir dengan cepat dari kawasan yang selalu dinaiki air ke sungai, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata langkah itu sudahpun dimulakan dengan kerja pembinaan "terowong pintar" berhampiran Lapangan Terbang Sungai Besi.

"Kita tahu masalahnya. Kita mesti belanja wang yang banyak untuk gali semula sungai untuk mendalamkan sungai dan bermacam-macam lagi yang perlu kita buat untuk menangani masalah ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri yang turut dihadiri beberapa menteri kabinet di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya mengenai pelan jangka panjang kerajaan untuk mengatasi masalah banjir kilat di Kuala Lumpur.

Semalam, ibu negara dan kawasan sekitarnya dilanda banjir kilat akibat hujan lebat selama tiga jam bermula pukul 4 petang, menyebabkan banyak kawasan ditenggelami air yang melumpuhkan sistem lalu lintas dan pengangkutan awam. Banjir itu surut pada 9 malam.

Selain menyebabkan kerugian harta benda, banjir itu dilaporkan turut meragut dua nyawa iaitu seorang lelaki berumur 60 tahun yang terperangkap di dalam rumahnya di Taman Desa, Jalan Klang Lama dan lelaki berumur 50 tahun yang lemas setelah tergelincir dan terjatuh ke dalam lubang dipenuhi air, juga di Jalan Klang Lama.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Mansor berkata kertas kerja mengenai cara-cara mengatasi banjir kilat terutamanya di Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya, akan dikemukakan kepada kabinet minggu depan.

Ketika dihubungi Bernama, beliau berkata kertas kerja berkenaan akan dirangka secara bersama oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Katanya beliau memberikan laporan mengenai kejadian banjir kilat semalam dalam mesyuarat kabinet di sini hari ini.

Tengku Adnan berkata JPS terlibat dalam merangka kertas kerja berkenaan memandangkan kebanyakan kejadian banjir kilat yang melanda ibu kota dan kawasan sekitarnya disebabkan sungai tidak mampu menampung jumlah air yang banyak dalam masa yang singkat.

Menurutnya, antara kaedah yang akan dicadangkan dalam kertas kerja itu ialah penggunaan "terowong pintar" di ibu kota bertujuan menyalurkan air dari hulu sungai ke kawasan takungan melalui saluran bawah tanah sebelum dilepaskan ke sungai secara perlahan-lahan.

Beliau berkata kerajaan telahpun menggunakan kaedah itu untuk menyalurkan air dari hulu sungai ke takungan di tasik Taman Desa sebelum dilepaskan ke sungai berhampiran dengan perlahan-lahan.

"Kita juga akan memikirkan bagaimana mengatasi mendapan sungai dan kaedah untuk mengalirkan air hujan yang naik dengan cepat ke sungai bagi mengelak banjir kilat," katanya.

Tengku Adnan berkata hujan lebat berterusan itu menyebabkan beberapa tempat sukatan air merekodkan paras air melebihi tahap bahaya.

Stesen Tun Razak Sungai Gombak mencatatkan air setinggi 32.39m, iaitu melebihi paras bahaya 32m; Jambatan Tun Perak, Sungai Klang mencatatkan 30.25m iaitu melebihi paras bahaya 29.50m; manakala Jambatan Petaling,

Sungai Klang mencatatkan 20.30m iaitu melebihi paras bahaya 18.50m pada pukul 8 malam, katanya.

Beliau berkata banjir yang berlaku itu kerana beberapa masalah membabitkan sungai seperti air melimpah disebabkan Sungai Gombak di Jalan Tun Razak tidak dapat menampung air memandangkan ia masih dalam rancangan pelebaran.

Banjir di sekitar Kampung Baru dan Kampung Datuk Keramat pula disebabkan paras air lebih tinggi di Sungai Klang yang menyebabkan air di kawasan setempat tidak dapat dialirkan ke sungai, katanya.

Kejadian banjir kilat seperti semalam jarang berlaku dan merupakan kali pertama pada tahun ini, katanya.

Beliau berkata banjir yang berlaku itu kerana beberapa masalah membabitkan sungai seperti air melimpah disebabkan Sungai Gombak di Jalan Tun Razak tidak dapat menampung air memandangkan ia masih dalam rancangan pelebaran.

Banjir di sekitar Kampung Baru dan Kampung Datuk Keramat pula disebabkan paras air lebih tinggi di Sungai Klang yang menyebabkan air di kawasan setempat tidak dapat dialirkan ke sungai, katanya.

Kejadian banjir kilat seperti semalam jarang berlaku dan merupakan kali pertama pada tahun ini, katanya.

-- BERNAMA

RIZ SHI MAM MAI